

18 APR 2003

Bioteknologi-Law/I

SELEPAS MSC, MALAYSIA LANGKAH KE LEMBAH BIOTEKNOLOGI, KATA LAW

SIBU, 18 April (Bernama) -- Malaysia antara 12 negara mega biokepelbagaian dalam dunia akan melaksanakan projek Lembah Bioteknologi Malaysia bulan depan bagi kerja penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyempurnakan majlis pecah tanah projek tersebut pada 20 Mei ini.

Ketika bercakap dengan pemberita di sini hari ini, beliau berkata projek itu penting kepada negara selepas Koridor Raya Multimedia (MSC).

Law berkata kerajaan mengeluarkan perbelanjaan awal sebanyak RM500 juta untuk projek Lembah Bioteknologi Malaysia yang terletak di tapak seluas 81 hektar di kawasan MSC di Putrajaya.

"Kita perlu menerokai bidang ini kerana dengan kekayaan sumber semulajadi biologi, kita perlu mengeksploitasikannya bagi tujuan meningkatkan pengeluaran makanan, meningkatkan taraf kesihatan dan membuka peluang pekerjaan," katanya.

Sebelum itu, Law melancarkan buku berjudul "Bioteknologi-Teknologi Wawasan" hasil tulisan bersama Prof. Dr Rahmah Mohamed dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Tan Chon Seng, pegawai penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan seorang penyelidik sains Ng Szu Ting.

Beliau juga turut melancarkan portal bioteknologi pada majlis itu yang dihadiri oleh 150 murid sekolah menengah bagi mempromosikan bioteknologi di sekolah-sekolah di negeri itu.

"Sebagai permulaan projek, kita akan menubuhkan tiga institusi iaitu Institut Kebangsaan Agro-Bioteknologi, Institut Kebangsaan Genomik Dan Biologi Molekul dan Institut Kebangsaan Farmaseutikal dan Nutrasetikal Bioteknologi," katanya.

Katanya institusi berkenaan merupakan komponen penting projek tersebut selain daripada fungsinya sebagai pusat rujukan kebangsaan.

Beliau juga berkata sebuah makmal kimia bernilai RM14 juta akan dibina di kawasan Lembah Bioteknologi dalam masa dua tahun lagi bagi menjalankan analisis saintifik.

-- BERNAMA

ESS DC MAI